



Festival Muzik Bambu, 26 November

Bambu amat penting dalam kehidupan penduduk tempatan dan November ini, masyarakat tempatan akan meraikan tumbuhan malar hijau ini! Sertailah kemeriahannya di Tamparuli pada bulan November di mana anda boleh menikmati persembahan dari Orkestra Bambu Kinabalu yang terkenal, memainkan lagu-lagu dari pelbagai peralatan muzikal diperbuat dari bambu, termasuklah sompoton, bungkau dan tagunggak. Saksikan pelbagai kumpulan dan ahli muzik solo bambu berentap untuk memenangi hadiah persembahan terbaik. Jangan lepaskan acara menarik lain seperti perlumbaan rampanau (berjalan dengan kaki bambu), pertandingan membina rakit bambu dan persembahan daripada artis-artis tempatan. Ini adalah peluang terbaik untuk mempelajari lebih banyak dan membeli kraftangan serta alat muzik yang berasaskan bambu. Anda juga boleh mengambil kesempatan untuk singgah di tamu Tamparuli (pasar terbuka) yang diadakan setiap Rabu dari 6.00 pagi sehingga 2.00 petang. Segalanya berlangsung bulan ini di Festival Muzik Bambu di Tamparuli. Jumpa anda di sana!

Program

Masa	Tempat	Masa	Tempat
Venue	(Dewan Tun Hamdan Tamparuli)	Venue	(Padang Pekan Tamparuli)
10:15am	Persembahan Orkestra Bambu Bola	9:00am	Rampantau: Peraduan Menendang
12:30pm	Persembahan Artis Tempatan	10:00am	Rampantau: Perlumbaan Berjalan dan Berlari
2:00pm	Pertandingan Muzikal Solo Bambu	10:15pm	Pertandingan Membina Rakit Bambu Pertandingan Batang Bambu Terpanjang & Ukuran Bambu Terlebar
3:00pm	Pertandingan Muzikal Berkumpulan	12:00pm	Perlumbaan Berlari Rampantau
4:00pm	Pertandingan Bermain Monogunggak		

**Nota: Hubungi penganjur untuk maklumat lanjut dan pengesahan masa dan tempat Pergi ke Tamparuli*

Tamparuli hanya mengambil masa 40 minit dari Bandar KK. Naiki bas dari stesen bas di hadapan Wawasan Plaza untuk RM5.00 seorang sehala. Pastikan anda memberitahu pemandu bas mengenai tempat perhentian anda. Tempat perhentian biasanya turut menjadi tempat untuk anda menaiki bas bagi perjalanan pulang. Bas boleh didapati dari 7:30 pagi sehingga 5:00 petang.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Jane Thing, Presiden Persatuan Orkestra Muzik Bambu di talian 013-8760358 atau Wendy Guntarik di 013 8783238.



Pameran Perkahwinan Olok-olok Tradisional Setiap Sabtu sepanjang bulan November

Dengan lebih 30 kumpulan etnik di Sabah, anda dijamin tidak ada dua perkahwinan tradisional yang serupa! Anda boleh pelajari lebih banyak mengenai adat perkahwinan unik pelbagai kumpulan etnik yang ditemui hanya di Sabah bulan ini di Kampung Kebudayaan Monsopiad. Fahami kepentingan hantaran dan berian sebagai amalan dalam kebanyakan budaya yang berlanjutan sehingga hari ini. Pengunjung boleh menikmati kemeriahan perkahwinan Kadazandusun dan kagum dengan kerumitan perkahwinan Murut. Jadi pastikan Sabtu ada lapang dan datanglah beramai-ramai ke Kampung Kebudayaan Monsopiad. Perkahwinan olok-olok ini bermula 10:00 pagi dan kemasukan adalah percuma.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Kampung Kebudayaan Monsopiad di talian 088-761336 atau e-mel info@monsopiad.com



Heritage Hotel
E-mail: info@heritagehotel.com.my
Website: www.heritagehotel.com.my
Tel: 089-766222 Fax: 089-767222

* Located in Central Business District, Tawau
* Warm & Cozy with Style
* Spacious Rooms with Modern Hotel Amenities

Mataking Island
Islands Resort & Spa
E-mail: sales@mataking.com
Website: www.mataking.com
Tel: 089-770022 Fax: 089-770025

* 90 Minutes boat ride to Sipadan
* Luxurious accommodation for holiday makers, divers & honeymooners

Malay Revolve to East

Sushi King is bring the best

What makes

Our sushi are ser

At Sushi King, we use only the fresh and meticulously traditional taste of

Our sushi are ser

We don't know if know is that here services to our cu served with warm